

SOKONG MEMBAWA REBAH

SAMBUTAN ULANGTAHUN PAKISTAN DENGAN ((COCKTAIL PARTY))

Bagi kali yang pertama ulangtahun yang kelima berdirinya kerajaan Pakistan telah disambut oleh Jabatan Rasmi Pakistan di Singapura tetapi sambutan rasmi itu telah mengecewakan orang-orang Islam oleh kerana di dalam majlis itu diadakan “Cocktail Party” iaitu suatu majlis yang di dalamnya dihidangkan minuman keras.

(Oleh Ahmad Zulfi)

Orang-orang Pakistan khususnya dan muslimin amnya di Singapura perasaannya telah tergoda apabila, bagi kali yang pertama dibuat dengan rasmi, suatu perayaan menyambut ulangtahun negara Pakistan pada 15 Ogos yang lalu oleh Pesuruhjaya Perniagaan Pakistan di Singapura dengan perayaan itu dibuat “Cocktail Party” yang sudah tentu di sana dihidangkan minuman-minuman keras yang ditegah oleh agama Islam. Adalah dikatakan bahawa banyak daripada orang muslimin yang dijemput tidak mahu hadir oleh sebab perasaan mereka tersentuh dengan kerana dari satu ke suatu masa mereka mengetahui negara Pakistan itu ialah sebuah negara Islam, sebuah negara yang dari satu ke suatu masa menggalak dan menghimpunkan orang Islam supaya bersatu di atas nama Islam- dengan kerana itu mengadakan “Cocktail Party” dengan nama rasmi wakil kerajaan itu adalah suatu perbuatan yang tidak disangka-sangka sekali oleh mereka itu.

Adalah dikatakan bahawa sebelum lagi majlis itu diadakan tiga orang wakil oversea Pakistan League (yang pada masa-masa dahulu yakni sebelum ada Pesuruhjaya Perniagaan Pakistan ada di sini menjalankan sambutan-sambutan ulangtahun

dan sebagainya atas nama Pakistan) –telah berjumpa dengan Pesuruhjaya Perniagaan Pakistan itu dengan menuntut supaya “Cocktail Party” itu dibatalkan, ditukar dengan lain oleh kerana mereka terasa bahawa apabila diadakan yang demikian itu sudah tentu menoda nama dan kehormatan kerajaan Pakistan yang telah pun dipandang dan diharga oleh umat Islam umumnya sebagai sebuah negara Islam yang di dalam undang-undang dasarnya seberapa dapat diasaskan kepada Al-Quran dan Al-Hadis dengan permulaan undang-undang itu tersebut bismillahirrahmanirrahim. Mereka ini berpendapatan bahawa sekiranya majlis itu diadakan atas nama diri Pesuruhjaya itu sendiri tidaklah akan mereka hiraukan tetapi apabila yang demikian itu dibuat atas nama kerajaan yang diketahui mereka kedudukannya sebagai sebuah negara Islam maka sudah tentu akan tidak digemari oleh umum umat Islam.

Dengan kejadian-kejadian ini adalah dikatakan bahawa sebahagian orang Pakistan di sini akan menghantarkan bantahan-bantahan kepada Jabatan Luar Pakistan di Karachi supaya pada tahun yang akan datang atau pada ulang-ulang tahun yang akan datang tidak akan ada lagi majlis yang seperti itu yang di dalamnya dihidangkan

minuman-minuman keras yang ditegah oleh agama Islam.

Selain daripada itu sehari sesudah diadakan jamuan itu suatu majlis jamuan teh kerana meraikan 12 orang ahli jawatan tadbir Pakistan yang baharu balik dari latihannya di Australia dan di dalam jamuan teh itu hadir juga Pesuruhjaya Perniagaan Pakistan. Perasaan tidak puas hati tentang langkah yang diambil oleh Pesuruhjaya itu telah dihamburkan di dalam majlis itu dengan berterus terang mencela langkah-langkah yang diambil oleh Pesuruhjaya Pakistan itu dengan harapan yang demikian itu akan diambale berat oleh orang-orang Pakistan di sini untuk menjaga kehormatan bukannya sahaja bagi negara Pakistan tetapi umumnya orang-orang Islam yang ada di dalam negeri ini.

Daripada kejadian-kejadian ini dapatlah dikaji di mana kedudukan Pesuruhjaya Perniagaan Pakistan itu. Daripada apa yang dapat kita ketahui bahawa nampaknya ia tidak memandang tanggungannya menjalankan sesuatu kerja yang bersabit dengan umum itu kepada dasar dan cita-cita kerajaannya. Perbuatan yang sedemikian ini adalah sangat mustahak diperhati oleh Jabatan Luar Pakistan terutaman atas wakil-wakilnya yang diletakkan di negeri-negeri Islam oleh kerana apa jua yang bersabit dan dilakukan menyalahi ajaran-ajaran Islam itu sudah tentu akan, sekurang-kurangnya, mengurangkan pandangan dan perhatian orang atas cita-cita dan langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan Pakistan. Dengan itu kita berharap mudah-mudahan kejadian ini akan diambil perhatian dengan sangat berat oleh kerajaan Pakistan yang dengannya menjadi ingatan orang-orang yang dihantar ke luar negeri itu hendaklah lebih dahulu diketahuhi akhlaknyanya adanya.

Dalam gambar hadapan keluaran Qalam 25 itu ialah Gambar Sultan Hamengku Buwono, Menteri Pertahanan Indonesia sedang bercakap-cakap dengan ketua angkatan laut Indonesia.

NAIK HAJI

Tatkala turun firman Tuhan yang mewajibkan ibadah Haji di atas orang-orang Islam maka Rasulullah pun bangun berucap sabdanya:

“Wahai sekalian manusia (orang-orang Islam): Tuhan telah fardhukan ibadah haji di atas kamu maka kerjakanlah dia.”

Seorang sahabat telah bangun bertanya: “Ya Rasulullah, adakah Tuhan mewajibkan kami mengerjakannya pada tiap-tiap tahun?”

Nabi diam tidak menjawab manakala sahabat itu berulang-ulang menanyakan perkara itu. Akhirnya Nabi menjawab sabdanya:

“Kalau aku mengatakan ya nescaya akan wajiblah ia, dan tidak pula kamu dapat mengerjakannya.”

Peristiwa inilah yang menyebabkan turunnya firman Allah Taala: “Wahai orang yang beriman janganlah kamu bertanyakan perkara-perkara yang jika dinyatakan bagi kamu nescaya akan menyakitii (memberati) kamu.” 104 Al-Maidah.

* * *

Ibadah haji itu telah diwajibkan seumur hidup sekali di atas tiap-tiap orang-orang Islam yang ada upaya. Orang-orang yang cukup syarat tetapi mereka sengaja melalaikan rukun Islam yang kelima ini maka itulah tanda kurang imannya. Kepada golongan inilah junjungan kita menghalakan sabdanya:

“*Man man walam yahajj falamat insya yahudia au nasramia.*”

(Barangsiapa mati dan tidak mengerjakan haji- setelah cukup syarat – maka hendaklah ia mati jika dikehendakinya sebagai seorang Yahudi atau seorang Nasrani)

Nauzubillah min zalik.

Berkenaan soal haji ini Khalifah Al-Muslimin Saidina Omar pernah berkata: “Hampir-hampir saya mengambil ketetapan hendak menulis kepada seluruh negeri-negeri Islam meletakkan cukai atau orang-orang Islam yang cukup syarat tetapi tidak menunaikan fardhu haji.” Demikianlah pandangan kitab Allah, sunnah Rasulullah dan sahabat-sahabat Nabi salallahu alaihi wasalam